

Pelan Tindakan Kedah tumpu kepada lapan sektor

UM 22 SEP 2001

ALOR SETAR 21 Sent. — Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi tumpuan kepada lapan sektor untuk meletakkan Kedah maju pada 2010.

Sektor tersebut ialah industri, pelancongan, pertanian, pembangunan ICT, pendidikan, pembangunan sumber manusia, perumahan, prasarana dan utiliti.

Antara strategi pembangunan ialah untuk mencapai pertumbuhan Kelu-

aran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 15 peratus setahun dan melaksanakan agihan kekayaan hasil pembangunan ekonomi bagi dinikmati semua golongan rakyat.

Tumpuan juga diberikan terhadap pembangunan fizikal seimbang serta membentuk masyarakat yang patriotik, jati diri, bermoral dan menguasai ilmu.

Empat teras strategi dikenal pasti sebagai pamacu pencapaian Wawasan Kedah Maju, antaranya membangunkan ekonomi

yang dinamik, progresif, kompetitif dan berdaya tahan.

Strategi lain ialah melaksanakan pembangunan yang seimbang dan membentuk masyarakat saksama yang antara lain menghapuskan kemiskinan serta menggalakkan penyeritaan bumiputera dalam aktiviti utama ekonomi.

Turut dirancang di dalam pelan tersebut ialah mengukuhkan institusi dan jentera pentadbiran melalui pembentukan kerajaan elektronik dan mempertingkatkan jentera perancangan.